

Kosmo 13/12/2017 M/S 2

## INFO Penyeludupan warga Bangladesh di KLIA

1.

Ejen Malaysia akan membawa masuk warga Bangladesh ke pejabat Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur kononnya untuk diperiksa sebelum dibenarkan keluar dari lapangan terbang

2.

Pasport mereka diperiksa di dalam sebuah bilik sementara sebelum dicop dan dibenarkan keluar melalui akses laluan khas namun kemasukan warga Bangladesh tersebut tidak direkodkan dalam sistem JIM

3.

Pegawai JIM yang bekerjasama dengan sindiket tersebut akan mengumpulkan warga Bangladesh itu melalui laluan khas, biasanya menerusi kaunter paling hampir dengan pejabat JIM KLIA sebelum pasport mereka dicop

4.

Warga Bangladesh yang sudah diperiksa akan diarahkan untuk beratur bersama pelancong asing lain di kaunter berdekatan. Apabila tiba gilirannya, mereka akan melalui kaunter itu tanpa diperiksa atau terima cop kemasukan. Seterusnya ejen terus bawa warga Bangladesh ke kawasan parkir KLIA untuk ke penginapan mereka

5.

Ejen akan mengarahkan mereka turun ke tingkat bawah KLIA untuk diserahkan kepada individu yang bertanggungjawab memindahkan warga Bangladesh tersebut

Mustafar saahkan penahanan beberapa staf bawa masuk pekerja asing secara haram

# Pegawai imigresen tiada integriti

**PUTRAJAYA** - Jabatan Imigresen menegaskan akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas beberapa pegawainya yang ditahan jika terbukti mereka bersekongkol dengan ejen dan sindiket untuk membawa masuk pekerja asing melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Mustafar Ali berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan anggota dan pegawai yang tiada integriti dan menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri sendiri seperti yang dilaporkan baru-baru ini.

Katanya, jabatan itu telah melakukan tindakan segera dengan menghantar satu pasukan khas ke Dhaka, Bangladesh yang dianggotai oleh pegawai Bahagian Visa, Pas dan Permit, Bahagian Integriti dan Bahagian Khidmat Ekspatriat susulan pendedahan tersebut.

"Ya. Saya mengesahkan pena-



MUSTAFAR



RIBUAN pekerja asing warga Bangladesh dibawa masuk ke Malaysia secara haram oleh beberapa pegawai imigresen yang bersekongkol dengan ejen dan sindiket. - Gambar hiasan

hanan beberapa pegawai dan anggota susulan pendedahan tersebut bagi membantu siasatan. Tindakan tegas akan diambil sekiranya terbukti mereka bersalah tanpa mengira pangkat dan kedudukan.

"Pasukan khas dihantar ke Dhaka bertujuan mengukuhkan prosedur operasi standard pengeluaran visa kepada pelawat-pelawat dari negara berkenaan," katanya pada sidang akhbar sempena Majlis Perhimpunan Bulan Jabatan Imigresen di sini semalam.

Baru-baru ini, sebuah akh-

bar melaporkan ribuan warga Bangladesh diseludup masuk ke Malaysia melalui KLIA setiap hari oleh empat sindiket yang turut didalangi pihak berkuasa dari kedua-dua negara dengan mengaut keuntungan kira-kira RM5.2 juta setahun hasil kegiatan haram itu.

Menurut Mustafar, sebelum ini pihaknya juga pernah menghantar pasukan yang sama ke sana dan ia bukanlah sesuatu yang baharu.

Tambahnya, bagi memperkukuhkan kawalan, Jabatan Imigresen memperkenalkan



WARGA Bangladesh yang sudah diperiksa akan diarahkan untuk beratur bersama pelancong asing lain di kaunter berdekatan. - Gambar hiasan

beberapa dasar baharu bagi mengelak pintu masuk negara dibolosi sebagai langkah untuk mengesan ejen-ejen dan sindiket yang cuba memperlambat pegawai imigresen yang mengawal pintu masuk negara.

"Saya juga telah berbincang dengan Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun dan beliau juga terkilan dengan per-

buatan tersebut. Imigresen dan polis sentiasa bekerjasama untuk membanteras sindiket berkenaan," katanya.

Bagaimanapun, Mustafar enggan menyatakan jumlah sebenar pegawai yang ditahan berhubung kes berkenaan kerana ia masih dalam siasatan.

Kes itu disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63, Peraturan Peraturan Imigresen 1963, Akta Pasport 1966 dan Akta Antipenyeragaman Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.